

SEMINAR PEMINDAHAN TEKNOLOGI (TOT) 2014



Ucapan perasmian Seminar TOT 2014 oleh YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

KANDUNGAN

● Seminar Pemindahan Teknologi (TOT) 2014	1
● Dari Meja Ketua Penyunting	2
● Sudut Teknologi <i>Aplikasi Baja Vermikompos Terhadap Pertumbuhan Anak Sawit</i>	4
● Kuiz Sawit	7
● Kenalilah... <i>Pembiakan Cacing dan Pengeluaran Vermikompos daripada Sisa Sawit</i>	9
● Sudut Kreatif Sawit	11
● Sedutan Akhbar	12
● Sembang Sawit	13
● Tahukah Anda?	14
● Diari & Peristiwa	16
● Berita Bergambar	18
● Sudut Ekonomi	21
● Peladang Jaya	23
● Direktori MPOB	25
● Senarai Tapak Semaian yang Mendapat Sijil Kewibawaan Pengurusan Tapak Semaian (OPNCC)	29



embaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menganjurkan Seminar Pemindahan Teknologi (TOT) pada setiap tahun bagi memperkenalkan dan memindahkan hasil penyelidikan dan inovasi serta produk terkini sawit kepada industri termasuk usahawan dan pekebun kecil. Seminar ini merupakan satu landasan untuk penyelidik MPOB mengkomersialkan teknologi, inovasi dan produk yang telah dibangunkan. Semasa seminar tersebut, teknologi dan inovasi turut dipamerkan di samping pembentangan kertas kerja.

Seminar ini telah diadakan pada 18 Jun 2014. Perasmian seminar ini disempurnakan oleh YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) dan turut dihadiri oleh YB Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad, Pengerusi MPOB, Y Bhg Datuk Seri Nurmala Abdul Rahim, Ketua Setiausaha MPIC serta Y Bhg Datuk Dr Choo Yuen May, Ketua Pengarah MPOB. Pada seminar kali ini, MPOB telah melancarkan produk baru iaitu Cantas Evo dan produk EMBIO™ actinoPLUS. Produk EMBIO™ actinoPLUS telah dihasilkan melalui usahasama MPOB dengan Pascal Biotech Sdn Bhd, di mana ia terbukti boleh mencegah serangan penyakit *Ganoderma* terhadap tanaman sawit. Formulasi EMBIO™ actinoPLUS mengandungi bahan aktif aktinomisit, *Streptomyces GanoSA1* yang boleh merencat dan mengawal penyakit *Ganoderma*.

Semasa Seminar TOT 2014, MPOB telah memperkenalkan 20 teknologi dan 11 perkhidmatan baru menjadikan jumlah teknologi yang telah dilancarkan sebanyak

Bersambung ke muka surat 2

Produk dan perkhidmatan yang diiklankan dalam penerbitan ini tidak menyatakan sokongan MPOB.



Sidang Pengarang

PENASIHAT
Datuk Dr Choo Yuen May

PENGERUSI
Hj Ahmad Sidek Stroo

TIMBALAN PENERUSI
Hj Wahid Omar

KETUA PENYUNTING
Hj Hamdan Abu Bakar

PENYUNTING
Dr Norman Kamarudin
Hj Zulkifli Abd. Manaf
Dr Siti Ramlah Ahmad Ali
Dr Ahmad Tarmizi Hashim
Ab Aziz Md Yusof
YM Raja Zulkifli Raja Omar
Noor Asmawati Abd Samad
M. Ayatollah K Ab Rahman
Abdullah Hashim

SETIAUSAHA
Nur Hanani Mansor

Sambungan dari muka surat 1

563 teknologi dan 140 perkhidmatan sejak 1986. Teknologi yang dilancarkan merangkumi seluruh rantai sektor sawit iaitu daripada hulu hingga hiliran bagi tujuan pengkomersialan dan diguna pakai oleh pihak industri, usahawan dan pekebun kecil. Teknologi baru yang diperkenalkan tersebut merangkumi pelbagai sektor sawit iaitu sektor perlindungan tumbuhan, perladangan, penjenteraan ladang, bioteknologi, tenaga hijau, biojsim, pengilangan dan pemprosesan, oleokimia dan produk makanan.

Selain EMBIO™ actinoPLUS untuk kawalan penyakit *Ganoderma*, MPOB turut mempamerkan GanoCare™, untuk mengurangkan risiko infeksi *Ganoderma* ke atas pokok sawit, jentera penyuntik untuk mengawal sebaran penyakit reput pangkal batang (RPB) dan SureSawit™ shell iaitu kit diagnostik untuk meramal jenis buah sawit. Selain itu, MPOB juga mempamerkan teknik pengeluaran makanan binatang (*fodder*) kenaf berkualiti tinggi untuk integrasi ternakan secara intensif, aplikasi sistem ekologi *oilsep* untuk pengambilan minyak yang terlepas di kilang minyak sawit, penghasilan vanir sawit menggunakan mesin pengupas batang sawit *peeler lathe* boleh alih, penghasilan serbuk tempu-

Bersambung ke muka surat 3



DARI MEJA KETUA PENYUNTING

Matlamat kerajaan untuk membantu meningkatkan pendapatan pekebun kecil adalah jelas. Pelbagai usaha telah dan sedang dilaksanakan oleh pihak Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC). Beberapa skim bantuan seperti Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) atau Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) bernilai RM 7500 sehektar bagi Semenanjung dan RM 9000 sehektar bagi Sabah dan Sarawak telah disediakan. Sehingga kini, skim berkenaan masih ditawarkan kepada semua pekebun kecil yang layak mengikut syarat yang ditetapkan.

Pekebun kecil juga dibimbing dari masa ke semasa oleh pegawai MPOB supaya melaksanakan amalan pertanian baik dalam mengusahakan kebun sawit mereka bagi meningkatkan pengeluaran hasil buah tandan segar (BTS). Walaupun kesan daripada pelaksanaan projek agak perlahan namun ia telah dapat dilihat. Jika pada 2010, purata pengeluaran BTS pekebun kecil adalah 14.6 t/ha/thn, kini pencapaiannya telah melebihi 18.0 t/ha/thn walaupun dikategorikan masih rendah dan perlu diperbaiki. Pada masa ini, kerajaan amat menggalakkan pekebun kecil menjalankan aktiviti pengurusan kebun terutama jualan BTS secara berkelompok atau menerusi penubuhan koperasi di kawasan mereka.

Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) yang ditubuhkan MPOB dengan kerjasama pihak bank telah diberi kemudahan penggunaan *overdraft* bernilai RM 200 000 untuk setiap koperasi bagi dijadikan modal pusingan untuk jualan BTS. Pekebun kecil harus mengambil peluang dengan kemudahan yang disediakan ini demi manfaat dan kejayaan mereka.

Pada 25 Oktober 2013, dalam sesi pembentangan Bajet 2014, YAB Datuk Seri Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan bahawa Cukai Barangan dan Perkhidmatan atau lebih dikenali sebagai GST akan dilaksanakan mulai 1 April 2015 dengan kadar standard 6%. GST akan menggantikan Cukai Jualan sebanyak 5% dan 10% (1972) dan Cukai Perkhidmatan sebanyak 6% (1975) yang sedia ada sekarang ini. Selaras dengan pelaksanaan GST, kerajaan telah menyediakan satu kemudahan melalui Skim Kadar Rata (SKR) untuk golongan petani/nelayan/penternak termasuk penanam sawit terutamanya pekebun kecil yang tidak layak berdaftar di mana nilai ambang atau pendapatan mereka kurang daripada RM 500 000 setahun di bawah GST. Melalui skim ini, mereka boleh mendapat kembali sebahagian GST yang telah dikenakan ke atas pembelian mereka terutamanya input pertanian seperti baja, dengan mengenakan Kadar Rata

Bersambung ke muka surat 3

Sambungan dari muka surat 2

Tambahan (2%) atas jualan terutamanya BTS kepada pembeli berdaftar GST.

Sudut Teknologi kali ini memuatkan kaedah penyediaan baja vermikompos yang menggunakan sisa dari kilang sawit dengan bantuan cacing sebagai agen pereputan. Penggunaan baja organik ini mampu memperbaiki kesuburan tanah dan pertumbuhan pokok selain dapat mengurangkan penggunaan baja kimia serta menjimatkan kos.

Sambungan dari muka surat 2

rung sawit menggunakan loji *nanomass*, proses pengkomposan biojisim sawit secara efektif dan pantas serta pengeluaran papan berketumpatan sederhana (MDF) menggunakan tandan kosong sawit dan campuran serat kayu. Pengunjung juga berpeluang meninjau rawatan pelepasan sifar untuk efluen kilang minyak sawit, teknologi emulsi minyak dalam air (EW)-termitisida berasaskan bahan terbitan sawit bagi kawalan anai-anai perosak, mencuba gel mandian dengan bahan penyingkiran sel kulit semulajadi, masker muka dengan tokotrienol sawit, memori berbuis (*memory foam*) berasaskan sawit, lilin batik berasaskan sawit, bahan separa siap berasaskan sawit untuk penghasilan gincu, *rolled fondant* berasaskan sawit, aiskrim prebiotik dan *Nutramee*, sejenis mi lipofilik yang kaya dengan antioksidan.

Sebelas perkhidmatan baru yang dipamerkan adalah termasuk sektor perlindungan tumbuhan, bioteknologi dan makanan. Antara perkhidmatan tersebut ialah sistem pengenalpastian kulat MPOB 2 (FIDS2) dan MPOB 3 (FIDS 3), ICP-MS bagi analisis nutrien dan logam berat, Makmal Sitogenetik MPOB, laman web *Genomsawit*, sistem ungkapan gen sementara menggunakan sel protoplas daripada tisu sawit, penentuan sebatian organik meruap (VOCs) dalam busa poliuretana, penentuan residu *cypermethrin* dalam asid lemak berasaskan sawit C18:1 dengan kaedah kromatografi gas, penentuan residu *cypermethrin* dalam sampel daun dengan kaedah kromatografi gas dengan pengesan spektrometer jisim, penentuan residu glifosaf dalam minyak sawit mentah dengan kaedah kromatografi cecair berprestasi tinggi dengan pengesan pendarfluor dalam sampel produl minyak sawit.

Perkhidmatan yang dibangunkan oleh MPOB adalah untuk membantu pihak industri dan usahawan seperti penganalisis kimia dan kualiti agar dapat menyumbang kepada proses penambahbaikan keseluruhan rangkaian nilai sektor sawit dengan tujuan untuk mengurangkan kos dan meningkatkan produktiviti sawit.

MPOB juga menjalankan projek usahasama penyelidikan dengan pelbagai pihak dari dalam dan luar negara dalam membangunkan sesuatu produk. Dua memorandum persefahaman (MOU) telah ditandatangani semasa Seminar tersebut iaitu antara MPOB dengan Nexfuel Sdn Bhd bagi penghasilan vanir sawit menggunakan mesin pengupas batang sawit *peeler lathe* boleh alih dan antara MPOB dengan One Food Industry Sdn Bhd bagi pengkomersialan teknologi/produk aiskrim berasaskan minyak sawit merah. Produk ais krim sawit ini mengandungi jumlah karotena yang tinggi (tidak kurang daripada 500 ppm) dan vitamin E (800 ppm). Karotena (prekursor vitamin A) dan vitamin E mengandungi antioksidan semula jadi yang tinggi. Warna ais krimnya adalah semula jadi olein sawit merah dengan pilihan perisa ais krim seperti jagung, mangga atau oren.

MPOB juga sentiasa menggalakkan para peserta seminar untuk mengambil dan mengkomersialkan teknologi yang ada. MPOB turut membantu mereka menaik taraf kehidupan dan menyediakan jaringan perniagaan dalam bidang sawit. Seminar ini sekali gus dapat meningkatkan penglibatan pengusaha kecil dan sederhana meluaskan skop perniagaan mereka.

Seminar TOT 2014 juga mendatangkan banyak manfaat kepada pekebun kecil sawit. MPOB telah memperkasakan usaha dengan memperkenalkan pelbagai teknologi baru melalui kemu-



Penerangan ringkas oleh Pegawai Penyelidik MPOB di pameran TOT.

dahan perkhidmatan yang diberikan kepada pekebun kecil. Antaranya ialah kemudahan perkhidmatan nasihat oleh pegawai TUNAS kepada pekebun kecil. Mereka diberi taklimat dan nasihat mengenai amalan perladangan yang lebih berkesan dan produktif. Dalam Seminar TOT ini juga, MPOB memperkenalkan tanaman integrasi sawit dan ternakan yang dilihat mampu meningkatkan ekonomi dan pendapatan pekebun kecil. Selain itu, cetusan idea oleh

Bersambung ke muka surat 22

SUDUT TEKNOLOGI

APLIKASI BAJA VERMIKOMPOS TERHADAP PERTUMBUHAN ANAK SAWIT

Pengenalan

Elaeis guineensis ialah satu spesies palma sawit yang ditanam secara komersial di Malaysia. Pengeluaran minyak sawit adalah salah satu daripada hasil ekonomi yang terpenting di negara ini kerana hasilnya boleh digunakan sebagai bahan masakan, sabun, biodiesel dan sebagainya. Produk sampingan sawit termasuk pelepah sawit, batang sawit dan tandan kosong menyumbang peratusan pengeluaran sisa sawit yang paling besar sepanjang tahun dan juga semasa proses penanaman semula. Hasil daripada pengilangan sawit pula, sisa sawit terdiri daripada tandan buah kosong (TBK), gentian mesokarpa dan tempurung sawit. Pengeluaran sisa sawit yang banyak menyebabkan sistem pengurusan-nya tidak dapat dikendali dengan cekap dan boleh menyebabkan masalah kepada perladangan dan sawit.

Selain itu, buangan cecair dikenali sebagai efluen minyak sawit (POME) turut dikeluarkan dalam kuantiti yang besar oleh kilang sawit. POME ini akan dirawat melalui beberapa siri

fermentasi (anaerobik dan aerobik), yang kemudiannya akan banyak menghasilkan enapcemar yang mengandungi kandungan organik yang tinggi. Unsur penting seperti nitrogen, fosforus, potasium, magnesium dan kalsium yang terdapat dalam enapcemar POME ini sangat berpotensi digunakan sebagai baja organik bagi pertumbuhan pokok dan tanaman.

Kaedah pelupusan biojisim sawit dan juga enapcemar secara tradisional iaitu pelupusan terbuka atau pelupusan dalam tanah bukan sahaja semakin mahal, tetapi tidak lagi praktikal apabila kawasan atau tanah terbuka menjadi semakin terhad. Teknologi mesra alam dibangunkan pada tahun kebelakangan ini bagi menguruskan sumber biojisim ini. Dengan menukarkan sisa sawit kepada baja organik bernilai tinggi seperti vermikompos, ia bukan sahaja dapat menjana pendapatan tambahan kepada industri sawit malah dapat menyumbang kepada penyelesaian masalah pengurusan sisa industri sawit.

Baja Vermikompos

Baja vermikompos ialah penghasilan daripada sisa industri dengan menggunakan cacing dan mikroorganisma sebagai agen pereputan. Sebilangan besar bahan organik dicernakan oleh cacing kepada vermikas. Baja bio-organik daripada cacing akan berbentuk halus, lembut, berliang dan mempunyai kandungan mikrob yang tinggi. Kajian telah dilakukan melalui penggabungan pengkomposan tandan buah kosong sawit dan



Rajah 1. Bahan buangan sawit hasil daripada pemrosesan di kilang sawit.


Sambungan dari muka surat 4

enapcemar POME dengan menggunakan aktiviti mikrob dan cacing spesies *African nightcrawler* dalam menghasilkan baja vermikompos. Ia diaplikasikan sebagai salah satu kaedah mencapai produk kompos dan baja yang lebih stabil dan berkesan. Aplikasi vermikompos kepada media pertumbuhan pokok sawit dapat memperbaiki struktur tanah telah diuji dan terbukti berupaya mempertingkatkan pertumbuhan anak pokok sawit. Penambahan zeolite kepada substrat vermikompos memberi manfaat dan kebaikan dari segi penyerapan logam berat dan mengekalkan nutrien yang terdapat pada baja dan tanah yang boleh diambil oleh anak sawit. Kajian membuktikan bahawa tambahan zeolite kepada baja kompos membawa satu peningkatan signifikan dari segi pertumbuhan dan percambahan pelepah anak pokok sawit.

JADUAL 1. NISBAH BAJA YANG DIGUNAKAN DAN DIAPLIKASIKAN KE ANAK SAWIT YANG BERUSIA TIGA BULAN

Rawatan	Parameter Kajian
Baja kimia (100%)	Analisis tanah, tinggi pokok dan bilangan pelepah
Kompos (100%)	
Vermikompos (100%)	
Vermikompos (90%) + zeolite (10%)	
Vermikompos (70%) + baja kimia (30%)	

Hasil keputusan seperti dalam *Rajah 3* menunjukkan baja vermikompos (70%) yang dicampur dengan baja kimia (30%) telah menghasilkan anak pokok sawit yang mencapai ketinggian pokok dan bilangan daun yang banyak serta kandungan nutrien tanah yang tinggi dan lebih baik berbanding dengan baja kimia (100%) dan baja kompos. Walaupun baja kimia mempun-



Rajah 2. Proses pengkomposan sisa sawit daripada tandan kosong dicampur dengan enapcemar POME menggunakan cacing dan produk vermikompos diaplikasi ke anak sawit.

Kajian Aplikasi Vermikompos ke atas Tumbesaran Anak Sawit

Anak pokok sawit yang berusia tiga bulan ditanam ke dalam polibeg dan disusun mengikut jarak 0.9 m x 0.9 m x 0.9 m segi tiga sama. Barisan disusun mengarah timur-barat. Terdapat lima rawatan baja digunakan seperti dalam *Jadual 1*.

yai nisbah NPK yang lebih tinggi berbanding dengan NPK vermikompos, namun baja vermikompos terbukti telah memberi kesuburan anak sawit dan juga tanah. Penggunaan baja kimia kepada tanaman merosakkan struktur tanah. Komponen vermikompos yang terbentuk daripada agregat kecil yang disatukan oleh sebatian organik polisakarida dapat memperbaiki

Sambungan dari muka surat 5



Rajah 3. Perbandingan ketinggian pokok dan kelebatan daun pada pelbagai nisbah baja.

struktur tanah dan mengandungi pelbagai jenis hormon dan enzim yang dikeluarkan oleh jutaan mikrob yang terdapat dalam perut cacing.

Kesimpulan

Penambahan baja vermikompos pada tanah telah terbukti dapat memperbaiki struktur tanah,

menggalakkan percambahan akar, meningkatkan keupayaan menarik air lebih dan nutrien dari kawasan yang lebih luas. Penggunaan bahan buangan sawit dalam penghasilan baja vermikompos dapat memenuhi strategi serampang tiga mata MPOB, iaitu buangan sifar, nilai tambah dan peningkatan pendapatan.



Sumbangan:
Nahrul Hayawin Zainal
(nahrul.hayawin@mpob.gov.my)

????????? **Kuiz Sawit** ??????????

Pembaca *Warta Sawit* berpeluang memenangi wang tunai berjumlah RM 100 sekiranya berjaya menjawab tiga soalan yang diberikan dengan tepat. Hanya **tiga** penyertaan bertuah yang menjawab dengan tepat akan dipilih sebagai pemenang.

Syarat penyertaan

- Terbuka kepada pembaca *Warta Sawit* kecuali kakitangan dan ahli keluarga Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB);
- Tulis jawapan sama ada dengan tulisan tangan atau taip;
- Tarikh tutup penyertaan ialah pada **31 DISEMBER 2014**; dan
- Keputusan pengadil adalah muktamad.

Hantar/faks/emel jawapan anda berserta nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat yang jelas kepada:

Kuiz Warta Sawit
Ibu Pejabat MPOB, Peti Surat 10620
50720 Kuala Lumpur
u/p: Unit Khidmat Pengembangan,
Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan
Faks: 03-8920 2932
Emel: shuhadah@mpob.gov.my

**JANGAN
LEPASKAN
PELUANG
MEMENANGI
RM 100**

**SUMBER MAKLUMAT UNTUK MENJAWAB SOALAN KUIZ INI ADALAH BERDASARKAN
ARTIKEL DALAM WARTA SAWIT BIL. 57 (2)/MEI-OGOS 2014**

(Sila bulatkan jawapan yang betul)

1. Apakah produk yang dihasilkan melalui projek usahasama penyelidikan antara MPOB dengan Syarikat Nexfuel Sdn Bhd sempena Seminar TOT 2014?
 - a. Ais krim berasaskan minyak sawit merah.
 - b. Penghasilan serbuk tempurung sawit menggunakan loji *nanomass*.
 - c. Penghasilan vanir sawit menggunakan mesin pengupas batang sawit *peeler lathe* boleh alih.
 - d. EMBIO™ actinoPLUS untuk kawalan biologi penyakit *Ganoderma*.
2. Apakah ciri baja organik yang terhasil daripada proses pencernaan cacing?
 - i. Lembut
 - ii. Berbentuk halus
 - iii. Mengandungi kandungan mikrob yang tinggi
 - iv. Berliang

Bersambung ke muka surat 8



Sambungan dari muka surat 7

- a. i, ii dan iii
 - b. i, ii dan iv
 - c. i, iii dan iv
 - d. Semua di atas
3. Antara berikut, manakah benar tentang kebaikan vermikompos.
- i. Mengurangkan pengudaraan dan pergerakan akar dalam tanah.
 - ii. Mengurangkan permukaan tanah daripada menjadi berkerak.
 - iii. Menambah mikronutrien dalam tanah.
 - iv. Menambah kelembapan dan mengekalkan nutrien dalam tanah.
- a. i, ii dan iii
 - b. i, ii dan iv
 - c. i, iii dan iv
 - d. ii, iii dan iv
4. Antara berikut yang manakah komponen utama dalam pengiraan kos pengeluaran BTS?
- i. Kos input pertanian
 - ii. Kos pembajaan
 - iii. Kos upah pekerja
 - iv. Kos pengangkutan
- a. i, ii dan iii
 - b. i, ii dan iv
 - c. i, iii dan iv
 - d. ii, iii dan iv
5. Berapakah jumlah baja MPOB F1 yang digunakan oleh En Nasir Omar untuk setiap pokok pada setiap tahun?
- a. 11 kg/pk/thn
 - b. 10 kg/pk/thn
 - c. 9 kg/pk/thn
 - d. 8 kg/pk/thn

Nama : _____

No. Kad Pengenalan : _____

No. Telefon : _____

Alamat : _____

**TAHNIAH! PEMENANG KUIZ
SAWIT BIL. 56(1)/JAN-APR 2014**

Nama Pemenang:

1. Nor Faeizah bt. Mahad
2. Nuraini bt. Mustapa
3. Nurul Hidayah bt. Abdul Hamid

**JAWAPAN KUIZ SAWIT BIL. 56(1)/
JAN-APR 2014**

1. C
2. D
3. B
4. B
5. D

KENALILAH...**PEMBAIKAN CACING DAN PENGELUARAN VERMIKOMPOS DARIPADA SISA SAWIT**

Penghasilan baja vermikompos menggunakan cacing tanah adalah salah satu cara bagaimana baja organik bermutu tinggi boleh dihasilkan. Aktiviti ini dapat menjana pendapatan sampingan tambahan kepada petani dan pekebun kecil. Aktiviti ini hanya melibatkan penggunaan bahan buangan pertanian dari sisa ladang seperti jerami padi, batang jagung, sisa makanan, sisa sawit atau bahan pertanian terbuang yang separuh reput dan sesuai dicampur dengan sisa buangan haiwan seperti tahi lembu, tahi kambing, atau enapcemar efluen minyak sawit (POME) sebagai bahan makanan kepada cacing tanah. Hasil daripada penyelidikan di Kanada, New Zealand dan Amerika Syarikat telah menunjukkan penggunaan vermikompos pada tanaman boleh menambahkan hasil tanaman di antara 70% hingga 300%.




Rajah 1. Cacing spesies African nightcrawler sepanjang 22 cm.



Rajah 2. Pelet baja vermikompos yang dihasilkan.

Secara teorinya, cara pemakanan cacing adalah dengan memakan di lapisan atas sumber makanan dan cacing akan berkumpul setiap kali makanan baru ditambah. Cacing ini juga boleh makan sejumlah sama atau lebih berat daripada berat badannya dalam sehari. Salah satu sifat cacing ialah kebolehan membiak dengan cepat. Sepasang cacing akan bertelur 50 biji kapsul setahun dan setiap kapsul mengandungi tiga hingga empat ekor anak cacing.



Rajah 3. Telur cacing spesies African nightcrawler.

Pembiakan cacing (vermikultur)

Vermikultur pada dasarnya adalah proses membiak cacing untuk penghasilan vermikompos yang mempunyai nilai baja organik dan bahan mineral yang tinggi.

Pemberian makanan kepada cacing haruslah dijalankan secara perlahan dan berskala. Pastikan jumlah makanan yang diberi bersesuaian dengan jumlah cacing yang ada. Ini penting kerana jika makanan yang diberi terlalu berlebihan, ia akan memudaratkan cacing di mana media dan bahan makanan yang tidak dimakan cacing menjadi cepat kering. Ia juga menyebabkan berlaku proses fermentasi yang perlahan dan akan menaikkan suhu dalam substrat. Populasi cacing yang padat memerlukan pemberian makanan yang banyak dan kerap. Waktu yang sesuai untuk memungut vermikompos ialah tiga hingga empat bulan sekali. Keadaan ini juga bergantung kepada banyaknya jumlah cacing yang ada di dalam plot. Sifat vermikompos yang boleh dikutip hasilnya ialah seperti berikut:

- i) Kandungan di dalam plot/bekas telah menyusut agak banyak lebih kurang 30%-40% daripada jumlah makanan yang diletakkan.
- ii) Keseluruhan bahan yang digunakan telah bertukar warna kepada coklat gelap dan kelihatan seperti tanah.
- iii) Jika dianalisis, kandungan nisbah C/N adalah kurang daripada 20.

Bersambung ke muka surat 10

Sambungan dari muka surat 11



Rajah 4. Proses pembiakan vermikultur menggunakan sisa sawit sebagai sumber makanan.

Kebaikan Vermikompos

Penggunaan vermikompos sebagai baja organik akan menambah kelembapan dan mengekalkan nutrien dalam tanah. Vermikompos akan membantu memperbaiki pengudaraan dan

pergerakan akar dalam tanah seterusnya mengurangkan permukaan tanah daripada menjadi berkerak. Penggunaan vermikompos juga akan menambah mikronutrien dalam tanah dan meningkatkan bilangan organisma tanah yang berfaedah.



Sumbangan:
Nahrul Hayawin Zainal
(nahrul.hayawin@mpob.gov.my)

Sudut Renungan

“Dan di bumi terdapat bahagian-bahagian yang berdampingan, kebun-kebun anggur, tanaman-tanaman, pohon kurma yang bercabang, dan yang tidak bercabang, disirami dengan air yang sama, tetapi kami lebihkan tanaman yang satu dari yang lainnya dalam hal rasanya. Sungguh pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda kebesaran (kebesaran Allah) bagi orang-orang yang mengerti.”

(Surah Ar-Ra’d: 4)



LEMAK PUTIH UMBUT BAKTRIS DENGAN UDANG



Bahan

1. 500 g umbut baktris (dihiris dan direndam).
2. 10 ekor udang.
3. 2 sudu besar udang kering (direndam dan ditumbuk hancur).
4. 1 helai daun kunyit (disiat).
5. 3 ulas bawang merah (dihiris halus).
6. 2 cawan santan cair.
7. 1 cawan pati santan.
8. Garam dan gula secukup rasa.
9. Cili merah untuk hiasan.

Cara Penyediaan

1. Masukkan umbut baktris ke dalam periuk bersama hirisan bawang merah, udang kering dan santan cair.
2. Masak sehingga mendidih sambil dikacau perlahan-lahan. Masak sehingga umbut baktris lembut.
3. Kemudian masukkan udang dan masak dengan api perlahan sehingga mendidih.
4. Masukkan pati santan, tambah garam dan gula secukup rasa. Kacau rata.
5. Akhir sekali masukkan daun kunyit dan cili merah yang dihiris.
6. Masak sekejap dan siap untuk dihidang.



Resipi disumbangkan oleh:
Nurul Mastura Romli (IRED)

PENGUMUMAN

Para pembaca dipelawa untuk menghantar resipi, gubahan atau barangan kreatif berasaskan bahan sawit atau menggunakan bahan buangan sawit. Setiap sumbangan hendaklah disertakan gambar dengan keterangan yang lengkap berserta nama penuh, alamat dan nombor telefon untuk dihubungi. Setiap sumbangan yang disiarkan dalam Warta Sawit akan menerima cenderamata khas daripada MPOB.

Sudut Kreatif Warta Sawit
Ibu Pejabat MPOB, Peti Surat 10620
50720 Kuala Lumpur
u/p: Unit Khidmat Pengembangan,
Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan

SEDUTAN AKHBAR

Tajuk : MPOB BERTINDAK TEGAS JIKA BELI BTS HARAM

Sumber : Utusan Online, 11 Jun 2014

KUCHING - Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) tidak akan memperbaharui lesen dan menarik balik lesen pengilang dan peniaga buah tandan segar (BTS) di negeri ini jika mereka masih membeli BTS hasil kegiatan curi.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, keputusan tegas itu terpaksa diambil memandangkan kes curi BTS di negeri ini tahun lalu meningkat kepada 304 kes, berbanding 289 kes pada 2012. "MPOB mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan kepada pengilang dan peniaga yang membeli BTS haram.

"Kita akan menguatkuasa serta mengambil beberapa tindakan tegas jika mereka masih degil, masih beli BTS haram, kita akan batalkan atau tidak memperbaharui lesen mereka," katanya pada sidang akhbar selepas Mesyuarat bersama YB Menteri dengan Pengilang dan Peniaga BTS di sini malam tadi.

Tajuk : NILAI EKSPORT MINYAK SAWIT DIJANGKA RM 103 BILION MENJELANG 2020

Sumber : Borneo Post, 11 Jun 2014

KUCHING - Industri minyak sawit negara dijangka mencatat nilai eksport RM 103 bilion menjelang 2020 ekoran pertumbuhan mantap dalam industri itu sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata industri sawit negara menunjukkan pertumbuhan kukuh sejak beberapa tahun lalu dalam sektor hulu dan hiliran. Menurut beliau, pada 2013 minyak sawit dan produk berasaskan sawit menyumbang RM 61.2 bilion kepada hasil eksport negara dan Dasar Komoditi Negara (DKN) meramalkan RM 103 bilion nilai eksport diperoleh pada 2020.

"Industri ini juga berjaya menyelesaikan masalah kemiskinan luar bandar dan masalah pengangguran," ujarnya ketika merasmikan seminar bertajuk Tenaga Kerja Industri Sawit: Isu, Pencapaian dan Kelestarian 2014 anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) di sini semalam.

Tajuk : KERAJAAN MAHU PENGELUARAN BTS DITINGKATKAN MELALUI 90% PEKEBUN KECIL

Sumber : Bernama Media, 11 Ogos 2014

SIBU - Kerajaan berharap 90% daripada 200 000 pekebun kecil sawit negara ini boleh menghasilkan hingga 22 tan buah tandan segar (BTS) sehektar setahun menjelang 2010.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas, berkata peruntukan sebanyak RM 1.14 bilion bagi tempoh 2011-2014 bertujuan membantu pekebun kecil dalam kegiatan menanam dan menanam semula. Uggah berkata ini akan menyumbang pendapatan yang lebih tinggi lagi bagi negara ini.

"Buat masa ini, Semenanjung Malaysia menyaksikan pengeluaran purata sebanyak 19.14 tan sehektar setahun manakala ladang-ladang di Sarawak 17.84 tan dan Sabah 15.48 tan. Purata negara ialah 18.21 tan," katanya. Uggah berkata demikian semasa merasmikan Persidangan Pekebun Kecil Sawit peringkat kebangsaan 2014 di sini hari ini.

Tajuk : PEGAWAI MPOB AKAN BANTU BENDUNG KECURIAN BTS DARI LADANG SAWIT

Sumber : Bernama Media, 11 Ogos 2014

SIBU - Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi akan menempatkan para pegawai Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) di kilang-kilang sawit bagi membendung kecurian buah tandan segar (BTS) dari ladang sawit di negeri ini.

Menterinya Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata sejak Julai tahun ini, MPOB telah mengenal pasti tiga kawasan kritikal dan telah membuat operasi penguatkuasaan.

"Kawasan-kawasan itu ialah daerah Serian/Simunjan, daerah Selangau dan daerah Miri/Marudi," katanya. Beliau berkata, kementerianya telah mengeluarkan amaran keras kepada pengilang agar tidak membeli BTS yang dicuri. "Semua peniaga dan pekebun kecil perlu menyimpan semua rekod urus niaga mereka," katanya.

Bersambung ke muka surat 13

Sambungan dari muka surat 12

Tajuk : PERUNTUKAN RM 157.14 JUTA UNTUK PEKEBUN KECIL SABAH

Sumber : *Harian Metro*, 18 Ogos 2014

KOTA KINABALU - Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi meluluskan peruntukan berjumlah RM 157.14 juta untuk skim penanaman baru dan penanaman semula getah, sawit, lada dan koko bagi pekebun kecil di Sabah, pada tahun ini.

Menterinya, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, daripada jumlah itu, RM 72 juta diluluskan untuk tanaman baru dan tanaman semula sawit, RM 59.7 juta untuk penanaman baru dan tanaman semula getah, RM 18 juta untuk penanaman baru dan program peningkatan produktiviti koko dan RM 42 000 untuk skim tanaman baru lada.

Sementara itu, RM 7.4 juta pula diluluskan untuk membiayai pembinaan 19 projek jalan ladang sepanjang 20 km, katanya.

"Saya berpuas hati dengan laporan Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS), pihak berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) iaitu agensi yang melaksanakan program mengikut komoditi masing-masing.

Tajuk : PEKEBUN KECIL SARAWAK TIDAK DIDISKRIMINASI - MPOB

Sumber : *Utusan Online*, 24 Ogos 2014

KUCHING - Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi menafikan dakwaan bahawa Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) mendiskriminasi pekebun kecil sawit di Sarawak.


Jurucakap kementerian itu berkata, tanggungjawab dan skop tugas MPOB adalah membantu serta memudahkan penyertaan pekebun kecil dalam pembangunan industri minyak sawit negara seperti menyediakan geran dan bantuan penanaman.

Katanya, MPOB juga bertanggungjawab melaksanakan aktiviti bagi meningkatkan produktiviti pekebun kecil melalui penempatan pegawai Tunjuk Ajar dan Nasihat Sawit (TUNAS).

"Sehingga tempoh ini sebanyak 40 pegawai TUNAS telah ditempatkan di seluruh Sarawak kerana kerajaan percaya industri sawit telah menyumbang peningkatan pendapatan pekebun kecil di luar bandar.

"Berhubung keperluan pelesenan pula, MPOB harus memastikan ia mudah dikesan termasuk mengenal pasti buah tandan segar dituai dari kawasan-kawasan berlesen secara sah," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

SEMBAK SAWIT





KAEDAH PENGIRAAN KOS PENGELUARAN SAWIT

Kos pengeluaran buah tandan segar (BTS) sawit bermaksud nilai kos dalam ringgit yang ditanggung oleh pengusaha bagi mengeluarkan setiap tan BTS. Pendapatan pengusaha sawit adalah tidak tetap dan sentiasa berubah-ubah berdasarkan kepada pergerakan harga komoditi sawit di pasaran. Komponen utama kos pengeluaran BTS terbahagi kepada tiga iaitu:

- i) Kos input pertanian iaitu baja dan racun rumpai
- ii) Kos upah pekerja iaitu penuaian, pengumpulan, memangkas, membaja, dan meracun rumpai
- iii) Kos pengangkutan iaitu dari kebun ke tempat peraih dan dari tempat peraih hingga ke kilang

Oleh kerana kerja seperti membaja, meracun rumpai dan memangkas pelepah sawit tidak dilaksanakan pada setiap bulan maka pengiraan kos bagi setiap tan BTS adalah berdasarkan kepada jumlah kos keseluruhan setahun dan dibahagikan dengan hasil pengeluaran BTS setahun iaitu formulanya seperti berikut:

$$\text{Kos Pengeluaran BTS (RM/t) = } \frac{\text{Jumlah Kos BTS Setahun (RM)}}{\text{Pengeluaran BTS Setahun (t)}}$$

Berdasarkan formula pengiraan kos pengeluaran BTS tersebut, terdapat dua kaedah yang boleh diguna pakai bagi pekebun untuk mengurangkan kos pengeluaran iaitu:

1. Meningkatkan produktiviti pekerja ladang

- Melalui peningkatan produktiviti buruh, jumlah kos upah pekerja juga dapat dikurangkan. Produktiviti buruh dapat ditingkatkan melalui penggunaan mekanisasi dalam kerja pengeluaran BTS di kebun sawit.

2. Meningkatkan pengeluaran hasil BTS

- Hasil pengeluaran BTS dapat ditingkatkan melalui amalan pertanian pengurusan kebun sawit yang baik (GAP) seperti memastikan pokok sawit dibaja mengikut jadual dalam kadar yang mencukupi di samping kebersihan kebun sentiasa berkeadaan baik.

Bagi mempermudah pengiraan kos pengeluaran BTS, disyorkan jadual rekod hasil dan kos dirangka terlebih dahulu. *Jadual 1* menunjukkan contoh bagaimana pengiraan kos pengeluaran BTS dapat disempurnakan.

Berdasarkan contoh dalam *Jadual 1*, jumlah pengeluaran BTS yang diperoleh En Najib adalah sebanyak 43.38 tan pada 2013. Sebaliknya, jumlah kos keseluruhannya adalah RM 8563.60 setahun iaitu merangkumi kos upah pekerja RM 3452.70, kos input RM 3576.50, kos pengangkutan RM 1301.40 dan lain-lain kos RM 233. Oleh itu, didapati jumlah kos pengeluaran BTS adalah RM 197.40 setan ($\text{RM } 8563.60 \div 43.38 \text{ tan}$).

Pengusaha juga boleh menganggarkan pendapatan bersih yang diperoleh berdasarkan maklumat kos pengeluarannya. Sebagai contoh, purata harga BTS bagi tahun 2013 adalah RM 450 setan, ini bermakna purata pendapatan bersih yang diperoleh oleh En Najib adalah RM 252.60 setan ($\text{RM } 450.00 - \text{RM } 197.40$). Oleh itu, dengan keluasan kebun sawit sebanyak 2.02 ha tersebut, En Najib boleh memperoleh purata pendapatan bersih sebanyak RM 10 957.80 ($\text{RM } 252.60 \times 43.38 \text{ t}$) setahun atau bersamaan dengan RM 913.15 sebulan ($\text{RM } 10 957.80 \div 12 \text{ bulan}$).

Kesimpulannya, pengetahuan mengenai kos pengeluaran BTS adalah penting bagi pengusaha merancang perbelanjaan bulannya. Faktor ini penting bagi memastikan pengurusan kebun sawit dapat dilakukan dengan baik. Selain itu, secara tidak langsung melalui jadual pengiraan kos pengeluaran BTS dapat membantu pengusaha memantau pengeluaran BTS setiap tahun. Melalui ini, program pengurusan kebun yang dijalankan setiap tahun dapat dinilai kesannya terhadap pengeluaran BTS. Pengiraan kos pengeluaran BTS juga merupakan langkah awal dan terpenting bagi menyediakan pengusaha sawit menjadi lebih berpengetahuan.

Sambungan dari muka surat 14

JADUAL 1. PENGIRAAN KOS PENGELUARAN BTS

Nama Pengusaha: Najib Nasrullah

Alamat: Mukim Tanjung Sembrong

Keluasan Kebun: 5.4 ekar @ 2.20 ha

Umur Pokok: 15 tahun

Tarikh Penuaian	Hasil BTS (t)	Kos Upah Pekerja (RM)				Kos Input (RM)		Kos pengangkutan (RM)	Lain-Lain Kos (RM)
		Menuai dan mengumpul	Meracun rumpai	Membaja	Memangkas pelepah	Baja	Racun		
26/1/13	1.980	79.20	-	-	-	-	-	59.40	53
14/2/13	3.360	134.40	192.50	-	-	-	508.50	100.80	-
29/2/13	2.810	112.40	-	-	600	-	-	84.30	-
17/3/13	2.110	84.40	-	-	-	-	-	63.30	-
31/3/13	3.180	127.20	-	-	-	-	-	95.40	-
15/4/13	1.200	48.00	-	55	-	880	-	36.00	-
30/4/13	1.540	61.60	-	-	-	-	-	46.20	-
15/5/13	1.250	50.00	-	-	-	-	-	37.50	-
28/5/13	0.810	32.40	-	-	-	-	-	24.30	180
14/6/13	0.650	26.00	-	-	-	-	-	19.50	-
30/6/13	1.860	74.40	-	-	-	-	-	55.80	-
15/7/13	0.810	32.40	-	-	-	-	-	24.30	-
30/7/13	1.340	53.60	-	-	-	-	-	40.20	-
15/8/13	1.590	63.60	160.00	-	-	-	-	47.70	-
29/8/13	2.100	84.00	-	55	-	880	428.00	63.00	-
19/9/13	2.420	96.80	-	-	-	-	-	72.60	-
26/9/13	1.270	50.80	-	-	-	-	-	38.10	-
15/10/13	2.840	113.60	-	-	600	-	-	85.20	-
30/10/13	1.150	46.00	-	-	-	-	-	34.50	-
15/11/13	2.860	114.40	-	-	-	-	-	85.80	-
28/11/13	1.750	70.00	-	-	-	-	-	52.50	-
16/12/13	2.850	114.00	-	-	-	-	-	85.50	-
31/12/13	1.650	66.00	-	55	-	880	-	49.50	-
Jumlah	43.38	1 735.20	352.50	165	1 200	2 640	936.50	1 301.40	233



Sumbangan:
Ayatollah K. Ab Rahman
(ayat@mpob.gov.my)

DIARI & PERISTIWA

(SEPTEMBER-DISEMBER 2014)

Program/ Kursus	Tarikh	Tempat	Sebarang pertanyaan, sila hubungi
SENARAI KURSUS UNTUK PEKEBUN KECIL ANJURAN MPOB			
KURSUS SEHARI SAWIT UNTUK PEKEBUN KECIL			
Zon Selatan 1	13 Oktober 2014	Mukim Tenggayut	Penyelaras Tunas Zon Selatan 1 Pn. Nursuhana Dahari Tel : 07-7891133 nursuhana@mpob.gov.my
Zon Selatan 2	20 Oktober 2014	Kompleks Penghulu Air Hitam, Muar, Johor	
Zon Sarawak 1	30 September 2014	Kg Sampun Gerunggung, Asajaya	Penyelaras TUNAS Zon Selatan 2 Pn. Hasmiza Desa Tel: 07-454130 hasmiza.desa@mpob.gov.my
	13 Oktober 2014	Rh. Bukol, Kop Ibus, Saratok	
	14 Oktober 2014	Dewan Suarah Sri Aman	
	30 Oktober 2014	Dewan Serbaguna Sematan	
	12 November 2014	Balai Raya Kg Kuang	
Zon Sarawak 2	11 Desember 2014	Dewan Suarah Bau	Penyelaras Tunas Zon Tengah En. Parthiban Kannan Tel : 03-89261854 parthiban@mpob.gov.my
	15 Desember 2014	Rh. Bundan, Engkabang, Kabong	
Zon Sarawak 2	17 September 2014	Rh. Malang Sg Bayan Jalan Mukah/Selangau	Penyelaras TUNAS Zon Timur En. Mohd. Khairul Anwar Isnin Tel : 09-2960580 khairulanwar@mpob.gov.my
	11 November 2014	Dewan Kg Semop, Daro	
	27 November 2014	Dewan Masyarakat Pakan, Sarikei	
Zon Utara	20 November 2014	Kg Paya Jemerli, Kulim, Kedah	Penyelaras TUNAS Zon Utara Tan Say Peng Tel: 05-6234104 saypeng@mpob.gov.my
Zon Timur	9 Oktober 2014 15 Desember 2014	Dewan Kesedar, Gua Musang Kg Jerkoh, Berta, Kuala Nipis	Penyelaras TUNAS Zon Sarawak 1 1 Arfan Johari Tel: 083-436273 arfan@mpob.gov.my
Zon Tengah	Oktober 2014 November 2014	Sepang, Selangor Jelebu, Negeri Sembilan	

Sambungan dari muka surat 16

Program/ Kursus	Tarikh	Tempat	Sebarang pertanyaan, sila hubungi
KURSUS SEHARI SAWIT BERSAMA AHLI KELAB 30 TAN			
Zon Utara	15 September 2014	Hulu Perak, Perak	
PROGRAM BERSAMA MENTERI			
Zon Tengah	12-14 Oktober 2014	Kompleks Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut, Kuala Selangor, Selangor	
Zon Timur	3-7 September 2014	Perkarangan Kompleks Padang Perdana, Kota Baharu, Kelantan (Bersama Menteri Besar Kelantan)	
ROADSHOW BANTUAN MPOB (TSSPK/TBSPK/SKIDIC)			
Zon Tengah	November 2014 11 Oktober 2014	Rembau, Negeri Sembilan Ijok, Selangor	Penyelaras Tunas Zon Sabah 1 Amran Arifin Tel: 088-493700 amranarifin@mpob.gov.my Penyelaras TUNAS Zon Sabah 2 Shakir Alid Tel: 089-897107 shakir@mpob.gov.my
Zon Utara	16 Oktober 2014 25 September 2014	Dewan MPTI Rumah Rehat Teluk Intan, Perak Dewan Rumah Rehat Selama, Selangor	
Zon Timur	10 November 2014	Kg Parit Raja, Rompin, Pahang	
Zon Selatan 2	2 Oktober 2014	Parit Raja Muar - Mukim Parit Bakar, Johor	
ROADSHOW AMALAN PERTANIAN BAIK (GAP) DAN KOPERASI			
Zon Tengah	11 Oktober 2014 15 Oktober 2014	Ijok, Selangor Kuala Langat, Selangor	
Zon Utara	24 September 2014 13 November 2014	Dewan Orang Ramai, Tiang Bertarah, Sungkai, Perak Dewan MPTI Rumah Rehat Teluk Intan, Perak	
Zon Selatan 2	22 September 2014	Balai Islam Kg Melayu, Yong Peng, Johor	
Zon Sarawak 1	18 September 2014 17 November 2014	Kg Merian Bedup, Serian Dewan Masyarakat Kg Bungin, Spaoh	
LAWATAN SAMBIL BELAJAR PEKEBUN KECIL			
Zon Selatan 1	September 2014	Kulim Plantation, Ladang Sedenak, Kulai, Johor	
KURSUS KEMAHIRAN MENGGRED BUAH SAWIT			
Peperiksaan (Semenanjung)	30 Oktober 2014	Akan ditentukan kemudian	
Peperiksaan (Sabah)	26 November 2014		
KURSUS OPERATOR MEKANISASI LADANG (KOML)			
Tahap 1 dan 2	September 2014 (5 bulan)	PLASMA Keratong, Pahang	Suraya Harun Tel: 03-8769 4868 suraya@mpob.gov.my
KURSUS PENGURUSAN DAN PENYELENGGARAAN NURSURI SAWIT			
Wilayah Utara	9-10 September 2014	Akan ditentukan kemudian	
Wilayah Tengah	14-15 Oktober 2014		

Berita Bergambar



Sebilangan pengunjung yang melawat pameran MPOB sempena Hello Komoditi (Pesta Benak) Sri Aman, Sarawak yang diadakan pada 16-18 Mei 2014.

Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad, Pengerusi MPOB (tengah) melawat gerai pameran yang diadakan semasa Kursus Sehari Pekebun Kecil Sawit bertempat di Kg Selabak, Perak pada 27 Mei 2014.



Dato' Seri Idris Jusoh, Timbalan Menteri Pendidikan II (dua dari kiri) membuat demo masakan menggunakan minyak sawit sempena program Santai Sawit yang diadakan di Dewan JKK Kg Sg Kerawan, Teluk Intan, Perak pada 27 Mei 2014. Turut kelihatan, Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad dan Hj Mohamad Nor Abd Rahman, Pengarah Bahagian Pengurusan Kewangan dan Pembangunan (kanan).



Pegawai TUNAS MPOB memberi taklimat mengenai sistem penanaman segi tiga kepada pekebun kecil yang mengikuti Kursus Sehari Pekebun Kecil Sawit yang diadakan di kawasan Pertubuhan Peladang Kawasan Senggarang, Johor pada 29 Mei 2014.



Dato' Noriah Kasnon, Timbalan Menteri MPIC (tiga dari kiri) mendengar penerangan Pegawai MPOB semasa melawat gerai pameran MPOB sempena Hello Komoditi yang diadakan pada 31 Mei 2014 bertempat di Dewan Simpang Lima, Sungai Besar, Selangor.

Pekebun kecil mendengar taklimat berkaitan kaedah penuaian dan pemangkasan oleh Pegawai TUNAS MPOB semasa sesi pertunjukan kaedah sempena Kursus Sehari Sawit Bersama Pekebun Kecil Sawit yang diadakan pada 21 Jun 2014 di Tambunan, Sabah.



Sebahagian peserta yang hadir semasa Persidangan Pekebun Kecil Sawit Kebangsaan 2014 yang diadakan di Hotel Kingwood, Sabah pada 11-12 Ogos 2014.

Peserta diberi peluang untuk mengenal pasti sendiri jenis tandan sawit dengan dibantu anggota Penguatkuasa MPOB semasa Program Taklimat Kualiti dan Penggredan Buah Sawit untuk anggota KPSM Saratok yang diadakan di Kilang Sawit Saratok Sdn Bhd pada 19 Ogos 2014.



IKLAN

